

Larangan kereta cermin gelap

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan akan memberikan arahan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) agar melarang kenderaan asing yang menggunakan cermin gelap untuk memasuki negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi berkata, kenderaan asing yang mahu melintasi sempadan negara ini perlu mengikuti piawaian cermin kenderaan ditetapkan. “Saya akan mengarahkan pihak JPJ untuk mengambil tindakan yang drastik dan ketat serta tidak membenarkan kenderaan bercermin gelap untuk masuk ke Malaysia.

“Ini bermakna kalau (kenderaan asing) hendak masuk ke Malaysia (mereka) kena buka cermin gelap dan mengikut piawaian negara ini,” katanya pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Senator Datuk Abdullah Mat Yasim mengenai tindakan yang dilakukan Kementerian Pengangkutan berhubung kebimbangan berlakunya aktiviti penyeludupan dadah dan kemasukan kumpulan Daesh menggunakan kenderaan bercermin gelap di sempadan negara terutamanya di Kelantan.

Terdahulu Abdul Aziz berkata, Sistem Permit Masuk Kenderaan (VEP) yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing.

“Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara,” ujarnya ketika menjawab soalan Senator Abdul Shukor Mohd. Sultan.